

# Operasi perlu diperluas ke tengah Lautan Hindi

BH  
6/8/15  
mls 4



# » Penemuan flaperon kukuh teori pesawat terhempas di kawasan asal pencarian

Oleh Azrul Affandi Sobry dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Zon pencarian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang sejak 8 Mac tahun lalu, perlu diperluaskan di kawasan tengah Lautan Hindi.

Pakar Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir, berkata sebelum ini penyelidik mengandaikan serpihan daripada pesawat itu berkemungkinan hanyut ke kawasan Madagascar dan kepulauan Mauritius dalam tempoh 18 bulan.


Katanya, penemuan flaperon di Pulau Reunion di Lautan Hindi minggu lalu, mengukuhkan teori pesawat itu terhempas di kawasan asal pencarian iaitu di tengah Lautan Hindi tetapi tidak memudahkan proses pencariannya.

## Sukar cari lokasi tepat

“Penemuan flaperon itu petanda, namun selepas 18 bulan, ia tidak banyak membantu mengecilkan kawasan pencarian, manakala kemungkinan untuk mengenal pasti lokasi tepat pesawat terhempas juga tidak menjadi lebih mudah.

“Ia hanya menyokong teori asal beberapa pengkaji yang bersetuju MH370 terhempas di Lautan Hindi.

“Bagaimanapun, kita tidak boleh menggunakan serpihan flaperon itu sebagai penanda menjejaki lokasi asal ia terhempas kerana



serpihan mungkin berselerak dan tidak semuanya ke arah sama.

“Selepas ini, apa yang boleh dilakukan oleh pakar ialah menganggarkan jarak dan lokasi asal berdasarkan tempoh flaperon itu berada dalam air,” katanya.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Azizan Abu Samah, berpendapat tempoh 18 bulan pencarian MH370 menimbulkan pelbagai ralat dan penemuan flaperon itu hanya mengesahkan ia terhempas di Lautan Hindi.

“Pencarian tidak mudah kerana

“**Pencarian tidak mudah kerana pelbagai faktor alam memungkinkan serpihan pesawat itu hanyut ke merata haluan**”

**Mohd Fadzil Mohd Akhir,**  
Pakar Oseanografi dan Sekitaran  
Universiti Malaysia Terengganu

na pelbagai faktor alam memungkinkan serpihan pesawat itu hanyut ke merata haluan, manakala taufan di Australia juga boleh menolak serpihan ke pelbagai arah,” katanya.

**Mungkin mendarat dengan baik**  
Bekas Ketua Juruterbang Serantau Penerbangan Malaysia (MAS), Kapten Datuk Nik Ahmad Huzlan Nik Hussain, berkata penemuan flaperon itu menguatkan teori pesawat mungkin mendarat dengan baik di lautan sebelum tenggelam.

“Flaperon mudah tanggal dan

dibuat daripada bahan kalis air serta terapung. Belum ada serpihan ditemui kecuali flaperon.

“Ada kemungkinan keseluruhan badan pesawat tenggelam dan jika benar, pencarian perlu lebih fokus di kawasan 5,500 kilometer ke belakang. Fokus tetap ditumpukan kepada mencari kotak hitam walaupun datanya tidak banyak membantu.

“Kotak hitam hanya menyimpan data untuk dua jam sebelum terhempas. Jika ada sesuatu berlaku dalam pesawat beberapa jam sebelum itu, ia terpadam dengan sendirinya,” katanya.